2. Pengguna muslim di Pasir Puteh dijangka mempunyai barang pilihan utama yang sama dengan pengguna muslim di Petaling Jaya.
3. Pengguna muslim di Pasir Puteh dijangka paling kerap menerima maklumat mengenai barang keperluan melalui rakan, jiran atau keluarga berbanding dengan pengguna muslim di Petaling Jaya yang paling kerap menerima maklumat daripada media elektronik.

4. Pengguna muslim di Pasir Puteh dijangka paling kerap membeli barang keperluan di kedai runcit berbanding dengan di pasaraya besar oleh pengguna muslim di Petaling Jaya.
5. Pengguna muslim di Pasir Puteh dan Petaling Jaya dijangka meletakkan halal sebagai kriteria yang paling penting apabila menggunakan barang keperluan.

g. KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini mempunyai beberapa kepentingan dari sudut keilmuan. Antaranya ialah :

1. Mengemukakan dan menjelaskan teori atau konsep barang keperluan untuk pengguna-pengguna muslim di Malaysia.
2. Membandingkan gelagat penggunaan barang keperluan di kalangan pengguna muslim daripada latar belakang yang berbeza.
3. Mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi gelagat penggunaan barang keperluan di kalangan pengguna muslim.

h. SKOP KAJIAN

Kajian dibuat untuk mengemukakan suatu konsep bagi barang keperluan dalam skop pengguna muslim di Malaysia supaya dapat digunapakai oleh semua pengguna muslim tanpa mengira keadaan dan latar belakang mereka.

Penelitian khusus dijalankan ke atas gelagat penggunaan barang keperluan di kalangan pengguna-pengguna muslim di Pasir Puteh dan Petaling Jaya secara perbandingan. Gelagat penggunaan ini dikaji secara persampelan di mana satu set barangan keperluan yang dipilih khusus sahaja yang dinilai corak penggunaannya.

Seterusnya analisa dibuat ke atas faktor-faktor yang mempengaruhi pembentukan gelagat penggunaan barang keperluan di kalangan pengguna muslim di Pasir Puteh dan Petaling Jaya.

Jajahan Pasir Puteh, Kelantan telah dipilih mewakili kawasan luar bandar dalam kajian ini kerana faktor latar belakangnya yang memenuhi ciri-ciri sebuah kawasan luar bandar. Dari sudut kegiatan sosioekonomi penduduk Pasir Puteh, aktiviti ekonomi yang dijalankan merangkumi semua aspek termasuk pertanian, perikanan, keusahawanan dan perkhidmatan. Jajahan Pasir Puteh juga dilengkapi dengan kemudahan asas yang mencukupi seperti sekolah, hospital, tempat ibadat, balai bomba dan sistem jalanraya yang agak baik. Tambahan pula penyelidik berasal dari Jajahan Pasir Puteh dan mahir dengan keadaan lokasi kajian serta memahami dengan mendalam keadaan hidup masyarakat di Pasir Puteh.

Daerah Petaling Jaya dipilih sebagai lokasi kajian bagi mewakili kawasan bandar besar kerana faktor latar belakangnya yang memenuhi ciri-ciri sebagai sebuah kawasan bandar besar. Petaling Jaya dilengkapi dengan pelbagai kemudahan yang canggih dan terbaik termasuklah komuter, LRT dan sistem jalanraya yang sistematik. Petaling Jaya juga mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi dengan pecahan mengikut kaum yang agak serata. Selain menjadi

pusat tumpuan kegiatan ekonomi, Petaling Jaya juga merupakan salah sebuah pusat pendidikan tinggi di Malaysia yang utama. Tambahan pula penyelidik telah berada di Petaling Jaya lebih daripada 5 tahun kerana belajar di Universiti Malaya. Ini memudahkan lagi kajian dilakukan.

Beberapa ciri gelagat penggunaan barang keperluan pengguna muslim telah dipilih untuk dikaji. Gelagat-gelagat tersebut ialah :

1. Peruntukan perbelanjaan untuk barang keperluan

Kajian dibuat untuk melihat peruntukan perbelanjaan yang dibuat oleh pengguna muslim bagi mendapatkan barangan keperluan daripada jumlah perbelanjaan keseluruhan mereka.

2. Barang keperluan yang menjadi pilihan utama

Kajian dibuat untuk melihat apakah barang-barang keperluan yang menjadi pilihan utama pengguna muslim dalam perbelanjaan mereka.

3. Tarikan pembelian barang keperluan

Kajian dibuat untuk meneliti faktor-faktor yang mendorong pengguna muslim menggunakan sesuatu barang keperluan, termasuklah faktor dalaman dan faktor luaran.

4. Saluran maklumat barang keperluan

Kajian dibuat untuk melihat daripada sumber manakah pengguna muslim mendapatkan maklumat berkaitan barang keperluan yang mereka gunakan.

5. Lokasi pembelian barang keperluan

Kajian dibuat untuk meneliti lokasi manakah yang menjadi pilihan pengguna muslim bagi mendapatkan barangan keperluan untuk mereka gunakan.

6. Kriteria pemilihan barang keperluan

Kajian dibuat untuk merumuskan kriteria-kriteria yang digunakan oleh pengguna muslim dalam membuat pemilihan barang keperluan yang digunakan.

Kajian akan dibuat ke atas gelagat penggunaan barang keperluan di kalangan pengguna muslim secara perbandingan di antara pengguna muslim di bandar dan pengguna muslim di luar bandar.

i. ULASAN PENULISAN (*REVIEW OF LITERATURE*)¹⁴

Hasil daripada pembacaan dan kajian yang telah dibuat¹⁵, penyelidik mendapati masih belum ada kajian yang dibuat berkaitan gelagat penggunaan barang keperluan di kalangan pengguna muslim di Malaysia. Namun beberapa penulisan yang berkaitan dengan kajian terhadap gelagat pengguna secara asasnya telah dihasilkan oleh pengkaji yang terdahulu. Antaranya ialah tulisan sarjana-sarjana ekonomi Islam seperti :

Afzalur Rahman dalam bukunya *Economic Doctrines Of Islam*(1975) ¹⁶ dan Muhammad *Encyclopaedia Of Seerah* (1982) ¹⁷ telah menjelaskan konsep penggunaan dengan menyebut tentang mutu, kesucian, kesederhanaan, pembaziran, ciri-ciri penggunaan, jenis kehendak, taraf hidup, kaedah terbaik dan kehidupan yang mulia.

Monzer Kahf (1978) dalam tulisannya *The Islamic Economy : Analytical Study Of The Functioning Of The Islamic Economic System* ¹⁸ menyebut tentang asas rasionalisme Islam, konsep barang dan etika penggunaan Islam.

Dalam artikelnya *A Contribution To the Theory Of Consumer Behavior In An Islamic Society* ¹⁹ Monzer Kahf (1980) menyebut tentang motif dan matlamat pengguna dalam Islam iaitu kepuasan dari penggunaan dan kejayaan di akhirat, peruntukan perbelanjaan dan aspek makroekonomi perlakuan pengguna Islam.

M.A.Mannan (1986) dalam bukunya *Islamic Economics : Theory And Practice* ²⁰ menyebut tentang prinsip penggunaan seperti ketaqwaan, kebersihan, kesederhanaan, kebajikan dan moral, serta menjelaskan peraturan makanan, kehendak dan susunan keutamaan dan sifat gelagat pengguna.

Asad Zaman (1991), *Towards Foundation Of An Islamic Theory Of Consumer Behaviour* ²¹ mengemukakan model berasaskan matematik bagi prinsip-prinsip penggunaan yang selari dengan nilai-nilai Islam.

Muhammad Anas al-Zarqa (1992) dalam artikelnya *A Partial Relationship In A Muslims Utility Function* ²² menyentuh tentang matlamat pengguna muslim ialah memaksimumkan pahala berpandukan Syariah dengan mengemukakan sebuah model gelagat pengguna.

Muhammad Nejatullah Siddiqi (1979) dalam bukunya *The Economic Enterprise*²³ telah menjelaskan tentang gelagat pengguna di bawah pengaruh semangat Islam dalam menjelaskan konsep pasaran di bawah pengaruh Islam.

Dalam artikelnya *Some Notes On Teaching Economics In An Islamic Framework* (1992)²⁴ beliau menyebut bahawa matlamat pengguna muslim adalah memaksimumkan kepuasan dengan faham dan mengamalkan ajaran Islam.

Manakala dalam tulisannya bertajuk *Islamic Consumer Behavior* (1992)²⁵ beliau menyentuh tentang gelagat pengguna di bawah pengaruh Islam serta corak permintaan yang dibentuk.

M. Fahim Khan (1992) dalam artikelnya *Theory Of Consumer Behaviour In An Islamic Perspective*²⁶ menyebut tentang perbezaan asas antara teori gelagat penggunaan konvensional dengan Islam dengan menjelaskan rangka kerja etika kapitalis dan juga Islam. Beliau juga menyebut bahawa matlamat pengguna muslim adalah memenuhi keperluan iaitu kehendak yang mempunyai masalah dunia dan akhirat.

Manakala dalam bukunya *Essays In Islamic Economics* (1995)²⁷ beliau menyentuh tentang asas, etika, tabungan, pengagihan dan rangka kerja gelagat penggunaan dalam perspektif Islam.

Kesimpulannya, kita dapati sarjana-sarjana daripada luar negara seperti Afzalur Rahman, Monzer Kahf, M.A. Mannan, Asad Zaman, Muhammad Anas

Zarqa, Muhammad Nejatullah Siddiqi dan M. Fahim Khan telah menghasilkan kajian dan penulisan asas yang menjelaskan tentang konsep penggunaan dan gelagat pengguna dalam perspektif Islam. Hasil penulisan mereka ini bolehlah dijadikan sebagai asas atau sebagai teori rujukan bagi meneruskan kajian tentang gelagat penggunaan barang keperluan di kalangan pengguna muslim di Malaysia.

Penulisan Kertas Kerja Semasa Di Malaysia.

Manakala hasil penulisan semasa yang dihasilkan di Malaysia berkaitan dengan gelagat pengguna antaranya ialah :

Kertas Kerja Seminar Nikmat Membeli Bagi Pengguna (1986), Kepenggunaan Dalam Islam.²⁸ Menyentuh tentang pendidikan penggunaan dan masalah-masalah yang dihadapi oleh pengguna muslim di Malaysia.

Kertas Kerja Seminar oleh Shan Paramasivam (1990), Mahasiswa Dan Budaya Pengguna : Cabaran Modenisasi Dalam Konteks Kepenggunaan.²⁹ Menyentuh tentang budaya dan masalah mahasiswa dalam penggunaan serta cabaran-cabaran modenisasi dalam penggunaan seperti kuasa pengguna, budaya, sikap, pendidikan dan sebagainya.

Kertas Kerja Seminar Pendedahan Pengguna (1990), Islam Dan Cabaran Modenisasi Dalam Konteks Kepenggunaan.³⁰ Menyentuh tentang konsep asas kepenggunaan Islam dan salahguna keperluan dalam kepenggunaan. Juga menjelaskan tentang salahguna, pencemaran agama dan budaya yang berlaku.

Kertas Kerja Persidangan oleh Wan Sabri Wan Hussin dan Mohamad Yusoff Sanusi (1996), *Perlakuan Isi Rumah Sebagai Pengguna Yang Bijaksana Di Dalam Membuat Keputusan Perbelanjaan Isi Rumah*,³¹ menyentuh tentang peranan isi rumah terhadap isu-isu kesedaran penggunaan dan tindakan yang sewajarnya dalam menangani masalah berkaitan kepenggunaan.

Kesimpulannya, kita dapati kertas-kertas kerja yang telah dihasilkan oleh penulis di negara kita ini banyak menyentuh keadaan gelagat sebenar pengguna di Malaysia. Hasil penulisan ini boleh dijadikan rujukan bagi mendalami gelagat pengguna di Malaysia terutamanya pengguna-pengguna muslim.

Penulisan Buku Semasa Di Malaysia

Penulis-penulis tempatan juga telah menghasilkan buku-buku yang berkaitan dengan bidang penggunaan dan gelagat pengguna.

Buku terbitan Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri (1984),³² *Makanan, Minuman Dan Kepenggunaan Dalam Islam* mengemukakan garis panduan umum sebagai rujukan kepada para pengusaha yang berkaitan dengan makanan, minuman dan penggunaan.

Kertas Kerja Kursus oleh Saiful Azhar Rosly (1986), *Penggunaan, Pengeluaran dan Pengagihan*³³ menyentuh tentang konsep dan asas penggunaan menurut perspektif Islam.

Tulisan oleh Abdul Rahim Anuar (1989),³⁴ Teori Gelagat Pengguna menyentuh tentang faktor yang mempengaruhi permintaan pengguna dan menganalisis gelagat pengguna memaksimumkan utiliti melalui pendekatan kardinal dan ordinal.

Buku terbitan Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri (1990), Makanan, Minuman Dan Bahan Gunaan Orang Islam³⁵ mengemukakan garis panduan untuk pengusaha makanan dan bahan gunaan tentang konsep halal dan haram meliputi makanan, minuman, penyembelihan dan alat-alat kegunaan.

Tulisan M. Fahim Khan dan Muhammad Ghifari (1992), Syatibi's Objectives Of Shari'ah And Some Implications For Consumer Theory,³⁶ menyentuh tentang perbincangan konsep matlamat atau objektif Syariah oleh al-Syatibi. Seterusnya melihat implikasi objektif Syariah terhadap gelagat penggunaan bagi pengguna muslim.

Tulisan oleh Syed Omar Syed Agil (1992), Rationality In Economic Theory³⁷ menyentuh tentang kegagalan teori rasionaliti egoistik, rasionaliti terbatas dan altruism seperti yang dianjurkan oleh ekonomi konvensional dan mengemukakan teori gelagat manusia Islam yang sesuai dengan teori rasionaliti Islam seperti mana terdapat dalam ajaran Islam.

Tulisan oleh Surtahman Kastin Hasan (1993), Ekonomi Islam : Dasar Dan Amalan.³⁸ Dalam bab kelima bukunya iaitu Analisis Penggunaan Dalam Islam menyentuh tentang analisis penggunaan dari segi prinsip, konsep barang,

keutamaan penggunaan, analisis permintaan dan peruntukan perbelanjaan secara ringkas.

Tulisan Mohd Hamdan Adnan (1994), *Konsep Asas Kepenggunaan*³⁹ mengemukakan 181 konsep asas berkaitan bidang kepenggunaan yang sering diguna pakai dalam pasaran di Malaysia.

Tulisan oleh Lokman Abdul Rahman (1999), *Halal Dan Kepenggunaan*⁴⁰ menyentuh tentang dasar kepenggunaan dalam Islam dan seterusnya membincangkan konsep halal bagi masyarakat pengguna dan pengusaha.

Tulisan yang disunting oleh Abdul Aziz Sahidin dan rakan-rakan (2000), *Teori Penggunaan Menurut Perspektif Islam*.⁴¹ Bab pertama bukunya menyentuh tentang teori penggunaan menurut perspektif Islam dari segi konsep asas, teori penggunaan dan implikasi penggunaan dari perspektif Islam.

Tulisan oleh Nabsiah Abdul Wahid dan Ishak Ismail (2000), *Perlakuan Pengguna*⁴² menjelaskan bagaimana memahami perlakuan pengguna untuk merangka strategi dalam pemasaran. Tumpuan kepada sikap pengguna di semua peringkat dalam membuat keputusan dan penggunaan produk.

Tulisan oleh Radiah Abdul Kadir (2001), *Ekonomi Islam*.⁴³ Dalam bab ketiga bukunya iaitu *Penggunaan Dalam Islam* menyentuh tentang penggunaan dari aspek konsep penggunaan, prinsip umum penggunaan, corak perbelanjaan, etika penggunaan dan corak permintaan pengguna muslim.

Kesimpulannya, kita dapati buku-buku yang dihasilkan oleh penulis tempatan ini kebanyakannya membincangkan gelagat penggunaan secara konsep dan teori sahaja. Sebaliknya tidak banyak mengemukakan perbincangan berkaitan kepenggunaan secara praktikal.

Penulisan Kertas Projek Dan Disertasi.

Banyak kertas projek dan latihan ilmiah yang ditulis berkaitan gelagat penggunaan sama ada dalam skop ekonomi Islam dan juga ekonomi konvensional.

Kertas Projek oleh Norliza Mohd Misran (1993), Penggunaan Dalam Konteks Ekonomi Islam Dan Perbandingan Dengan Ekonomi Konvensional⁴⁴ menyentuh tentang konsep penggunaan Islam dari segi prinsip, pilihan barangan dan teori gelagat pengguna. Seterusnya membuat perbandingan antara ekonomi Islam dengan ekonomi konvensional.

Kertas Projek oleh Mohd Azhar Mat Zim (1998), Teori Penggunaan Di Dalam Ekonomi Islam : Kajian Perbandingan Dengan Ekonomi Konvensional⁴⁵ menyentuh tentang teori penggunaan Islam dari segi konsep, asas, objektif dan faktor yang mempengaruhi penggunaan dan etika pengguna. Kemudiannya membuat perbandingan konsep rasionaliti dan gelagat penggunaan antara Islam dengan konvensional.

Latihan Ilmiah oleh Solahuddin Ismail (1998), *Etika Perniagaan Menurut Perspektif Islam : Tumpuan Terhadap Kitāb al-Buyū' Di Dalam Sahih Muslim*⁴⁶ menyentuh konsep dan asas perniagaan di dalam Islam dan seterusnya menjelaskan etika perniagaan Islam yang mana turut menyebut etika bagi pengguna muslim.

Kertas Projek oleh Zaitun Zakaria (1999), *Gelagat Pembelian Beras Di Kalangan Pengguna : Kajian Perbandingan Antara Penduduk Kuala Lumpur Dan Alor Setar*⁴⁷ menyentuh tentang gelagat pengguna dalam pemilihan pembelian beras. Kajian ditumpukan kepada kriteria, persepsi dan faktor-faktor yang mempengaruhi pembelian beras dengan menggunakan soal selidik sebagai metode yang utama.

Kertas Projek oleh Heng Chor Lian (1999), *Gelagat Pengguna : Satu Survei Ke Atas Golongan Yuppies Di Lembah Klang*⁴⁸ menyentuh tentang bagaimana ciri-ciri demografi mempengaruhi gelagat penggunaan barang di kalangan golongan muda yang bertaraf elit di kawasan bandar besar iaitu Lembah Klang. Kajian dijalankan dengan menggunakan soal selidik sebagai metode utama.

Kertas projek oleh Tee Yan Heong (1999), *Gelagat Pembeli Belah Di Pusat Beli-Belah Lembah Klang*⁴⁹ menyentuh tentang ciri-ciri demografi yang mempengaruhi gelagat pengguna di pusat membeli-belah di kawasan bandar besar iaitu Lembah Klang. Kajian dijalankan dengan menggunakan soal selidik sebagai metode utama.

Disertasi oleh Yee Boon Ling (1994), *Study of Teenage Shopping and Consumption Behaviour in Singapore*⁵⁰ menyentuh tentang gelagat pembelian dan penggunaan remaja berumur antara 13 hingga 18 tahun di Singapura. Kajian dijalankan dengan menggunakan soal selidik sebagai metode utama.

Disertasi oleh Tony Quah Seng Hai (1997), *Consumer Behaviour of Young, Urban Professionals (Yuppies) in the Klang Valley*⁵¹ menyentuh tentang kriteria yang diutamakan dalam pemilihan barang oleh golongan Yuppies di Lembah Klang. Kajian dijalankan dengan menggunakan soal selidik sebagai metode utama.

Disertasi oleh Foziah Sidek (1998), *A Study of Teenagers Shopping and Consumption Behaviour in Seremban Negeri Sembilan*⁵² menyentuh tentang gelagat pembelian dan penggunaan di kalangan remaja berumur antara 12 hingga 19 tahun dari segi pendapatan, perbelanjaan dan pembelian. Kajian dijalankan dengan menggunakan soal selidik sebagai metode utama.

Tan Seng Khee (1998), *A Comparative Analysis of Service Quality at Tenaga Nasional Berhad and Pos Malaysia One-Stop Payment Centres*⁵³ menyentuh tentang perbandingan di antara kualiti perkhidmatan di Pusat Pembayaran di Tenaga Nasional Berhad dengan Pos Malaysia pada perspektif pengguna. Kajian dijalankan dengan menggunakan soal selidik sebagai metode utama.

Disertasi oleh Lim Swat Hah (2000), *Consumer Behaviour Towards Counterfeit Product : A Study on Urban Malaysia Consumers*⁵⁴ menyentuh

tentang gelagat penggunaan barang tiruan pengguna di kawasan bandar dari segi kepercayaan dan tanggapan pengguna, kepuasan pengguna dan kecenderungan untuk menggunakan barang tiruan pada masa hadapan. Kajian dijalankan dengan menggunakan soal selidik sebagai metode yang utama.

Disertasi oleh Syahbudin Senin (2000), *Kenaikan Harga Barangan Perlu Di Malaysia : Satu Analisis*⁵⁵ menyentuh tentang proses dan faktor-faktor yang menyebabkan peningkatan harga barangan keperluan harian dalam pasaran di Malaysia. Kajiannya mendapati fenomena peningkatan harga tersebut tidak menepati garis panduan yang telah ditetapkan oleh Islam.

Kesimpulannya, penulisan kertas projek dan disertasi dalam perspektif ekonomi Islam keseluruhannya hanya membincangkan konsep gelagat pengguna dari aspek teori sahaja dan membuat perbandingan dengan teori konvensional. Manakala penulisan kertas projek dan disertasi dalam perspektif ekonomi konvensional pula tertumpu dalam bidang pemasaran iaitu menilai penerimaan pengguna terhadap sesuatu produk yang berada dalam pasaran. Metodologi penyelidikan yang digunakan dalam kertas projek dan disertasi dijadikan panduan dan rujukan untuk mengkaji gelagat penggunaan barang keperluan di kalangan pengguna muslim.

Hasil daripada pembacaan dan kajian yang telah dibuat, penyelidik mendapati sarjana-sarjana ekonomi sama ada dari dalam atau luar negara telah menghasilkan kajian dan penulisan yang boleh dijadikan teori asas atau teori rujukan bagi

mengkaji gelagat penggunaan barang keperluan di kalangan pengguna muslim di Malaysia.

Manakala hasil penulisan kertas kerja semasa di Malaysia pula boleh dijadikan bahan untuk mendapatkan gambaran yang lebih mendalam berkaitan gelagat pengguna muslim di Malaysia.

Metodologi penyelidikan yang digunakan dalam hasil penulisan kertas projek dan disertasi pula boleh dijadikan rujukan dan panduan terutamanya dalam menjalankan soal selidik, pengumpulan data dan penganalisan data.

j. STRUKTUR PENULISAN ⁵⁶

• Preliminari

Bahagian ini merupakan pembukaan yang mengandungi abstrak, penghargaan, daftar isi, senarai rajah, senarai jadual, senarai lampiran, transliterasi dan glosari akronim.

• Pendahuluan

Bahagian ini merupakan pengenalan dan gambaran secara keseluruhan kepada kajian yang dilakukan. Ia mengandungi pengenalan, latar belakang masalah kajian, kenyataan tentang masalah kajian, objektif kajian, kerangka teori kajian, hipotesis awal, kepentingan kajian dijalankan, skop

kajian dan ulasan penulisan (*review of literature*) yang telah dibuat serta struktur penulisan.

- **Bab Satu : Gelagat Penggunaan Barang Keperluan Menurut Perspektif Islam.**

Bab pertama kajian menyentuh tentang konsep asas barang keperluan dalam sistem ekonomi Islam dan kaitannya dengan barangan dalam pasaran di Malaysia. Bab ini juga mengemukakan analisis penggunaan dalam ekonomi Islam dan kaitannya dengan penggunaan barang keperluan serta teori gelagat pengguna muslim dan kaitannya dengan gelagat penggunaan barang keperluan.

- **Bab Dua : Metodologi Penyelidikan**

Bab kedua menjelaskan tentang reka bentuk, metode dan prosedur yang digunakan oleh penyelidik dalam melakukan kajian ini. Antaranya termasuklah kerangka kajian, sumber data, rekabentuk soal selidik, rekabentuk sampel soal selidik, teknik penganalisan data dan had kajian.

- **Bab Tiga : Gelagat Penggunaan Barang Keperluan Di Kalangan Pengguna Muslim Di Jajahan Pasir Puteh, Kelantan.**

Bab ketiga menerangkan latar belakang pengguna-pengguna muslim di Pasir Puteh yang mewakili lokasi kajian di kawasan luar bandar secara ringkas dan seterusnya mengemukakan kajian berkaitan gelagat penggunaan barang keperluan di kalangan pengguna muslim di Pasir Puteh.

- **Bab Empat : Gelagat Penggunaan Barang Keperluan Di Kalangan Pengguna Muslim Di Daerah Petaling Jaya, Selangor.**

Bab keempat menerangkan latar belakang pengguna-pengguna muslim di Petaling Jaya yang mewakili lokasi kajian di kawasan bandar besar secara ringkas dan seterusnya mengemukakan kajian berkaitan gelagat penggunaan barang keperluan di kalangan pengguna muslim di Petaling Jaya.

- **Bab Lima : Analisis Gelagat Penggunaan Barang Keperluan Di Kalangan Pengguna Muslim Di Jajahan Pasir Putih, Kelantan Dan Daerah Petaling Jaya, Selangor.**

Bab kelima pula memberi tumpuan kepada analisa terhadap gelagat penggunaan barang keperluan di kalangan pengguna muslim di kedua-dua lokasi kajian. Analisa dibuat secara perbandingan di antara kedua-dua lokasi kajian untuk menilai faktor-faktor yang mempengaruhi gelagat penggunaan barang keperluan di kalangan pengguna muslim. Antara faktor yang dikaji adalah latar belakang, peruntukan perbelanjaan, barang pilihan utama, tarikan pembelian, saluran maklumat, lokasi pembelian dan kriteria pemilihan barang keperluan. Seterusnya pengujian dan pembuktian hipotesis kajian dikemukakan.

- **Kesimpulan**

Bab ini merupakan rumusan kepada hasil kajian yang telah dilakukan. Ia mengandungi kesimpulan secara keseluruhan dan cadangan daripada penulis hasil daripada penelitian dan kajian yang telah dijalankan.

- **Bibliografi**

- **Lampiran**

Nota Hujung :

- ¹ Wan Sabri Wan Hussin dan Mohamad Yusoff Sanusi (1996), **Perlakuan Isi Rumah Sebagai Pengguna Yang Bijaksana Di Dalam Membuat Keputusan Perbelanjaan Isi Rumah**, Kertas Kerja Seminar Kepenggunaan Institut Pengajian Tinggi di Universiti Malaya Kuala Lumpur anjuran Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran Universiti Malaya pada 15 Ogos 1996, m.s 2.
- ² Nooraini Hj. Khaironi (1996), **Peranan Mahasiswa Sebagai Pengguna Yang Bijaksana**, Kertas Kerja Seminar Kepenggunaan Institut Pengajian Tinggi di Universiti Malaya Kuala Lumpur pada 15 Ogos 1996, m.s 1.
- ³ M. Fahim Khan dan Muhammad Ghifari (1992), **Shatibi's Objectives Of Shari'ah And Some Implications For Consumer Theory**, Readings in Islamic Economic Thought, Abul Hasan M. Sadeq dan Aidit Ghazali (ed), Longman Malaysia Sdn. Bhd. : Petaling Jaya, m.s 193.
- ⁴ Wan Sabri Wan Hussin dan Mohamad Yusoff Sanusi (1996), **op.cit.** m.s 3.
- ⁵ Nooraini Hj. Khaironi (1996), **op.cit.** m.s 5 – 6.
- ⁶ Chamhuri Siwar dan Mariani Abdul Majid (2000), **Kajian Keberkesanan Pendekatan Pembasmian Kemiskinan Di Malaysia**, Kertas Kerja Muzakarah Penggubalan Model Pembasmian Kemiskinan Menurut Perspektif Islam di Subang Jaya anjuran Yayasan Basmi Kemiskinan dan INMIND pada 14-15 April 2000, m.s 21.
- ⁷ Jahara Yahaya (Prof. Dr.) (2000), **Cabaran-Cabaran Dalam Merealisasikan Model-Model Pembasmian Kemiskinan**, Kertas Kerja Muzakarah Penggubalan Model Pembasmian Kemiskinan Menurut Perspektif Islam di Subang Jaya anjuran Yayasan Basmi Kemiskinan dan INMIND pada 14-15 April 2000, m.s 8.
- ⁸ Nabsiah Abdul Wahid dan Ishak Ismail (2000), **Perlakuan Pengguna Edisi 2000**, Pearson Education Malaysia Sdn. Bhd. : Petaling Jaya, m.s 207 – 210.
- ⁹ Chamhuri Siwar dan Mariani Abdul Majid (2000), **op.cit.** m.s 22 – 24.
- ¹⁰ Wan Sabri Wan Hussin dan Mohamad Yusoff Sanusi (1996), **op.cit.** m.s 14.
- ¹¹ Nabsiah Abdul Wahid dan Ishak Ismail (2000), **op.cit.** m.s 306.
- ¹² Chamhuri Siwar dan Mariani Abdul Majid (2000), **op.cit.** m.s 12.
- ¹³ Mohd Arif Hussein (1990), **Kaedah Penyelidikan Gunaan Dalam Bidang Ekonomi**, Dewan Bahasa dan Pustaka : Kuala Lumpur, m.s 46 – 51; Lihat Ahmad Mahdzan Ayob (2002), **Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi** (edisi kedua), Dewan Bahasa dan Pustaka : Kuala Lumpur, m.s 24 – 29; Uma Sekaran (2003), **Research Methods For Business A Skill Building Approach** (4th ed), John Wiley & Son, Inc : United States of America, m.s 103 – 105.
- ¹⁴ Judith Bell (1993), **Doing Your Research Project : A Guide For First Time Researchers In Education And Social Science** (2nd ed), Open University : Buckingham, m.s 63 – 67.
- ¹⁵ Uma Sekaran (2003), **Research Methods For Business : A Skill Building Approach** (4th ed), John Wiley & Son, Inc : United States of America, m.s 63 – 67.
- ¹⁶ Afzalur Rahman (1975), **Economic Doctrines Of Islam**, vol. 2, Islamic Publications Ltd : Lahore Pakistan, m.s 8 – 40.
- ¹⁷ Afzalur Rahman (1982), **Muhammad Encyclopaedia Of Seerah**, vol. 2, The Muslim Schools Trust : London, m.s 464 – 481.

- ¹⁸ Monzer Kahf (1978), **The Islamic Economy : Analytical Study Of The Functioning Of The Islamic Economic System**, The Muslim Students Association Of The United States And Canada : Indiana, m.s 15- 25.
- ¹⁹ Monzer Kahf (1980), **A Contribution To the Theory Of Consumer Behaviour In An Islamic Society**, Studies In Islamic Economics, Khurshid Ahmad (ed), Universiti Raja Abdul Aziz Jeddah dan The Islamic Foundation : United Kingdom, m.s 19 – 36.
- ²⁰ Muhammad Abdul Mannan (1986), **Islamic Economics : Theory And Practice**, The Islamic Academy Cambridge : Great Britain, m.s 43 – 51.
- ²¹ Asad Zaman (1991), **Towards Foundation Of An Islamic Theory Of Consumer Behaviour**, Essays in Islamic Economic Analysis, F.R. Faridi (ed), Genuine Publications Ltd. : New Delhi, m.s 37 – 51.
- ²² Muhammad Anas al-Zarqa (1992), **A Partial Relationship In A Muslims Utility Function**, Readings In Microeconomics An Islamic Perspective, Sayyid Tahir, Aidit Ghazali, Syed Omar Syed Agil (ed), Longman Malaysia : Petaling Jaya, m.s 105 – 112.
- ²³ Muhammad Nejatullah Siddiqi (1979), **The Economic Enterprise In Islam**, Islamic Publications Ltd. : Lahore, m.s 88 –99.
- ²⁴ Muhammad Nejatullah Siddiqi (1992), **Some Notes On Teaching Economics In An Islamic Framework**, Readings In Microeconomics An Islamic Perspective, Sayyid Tahir, Aidit Ghazali, Syed Omar Syed Agil (ed), Longman Malaysia : Petaling Jaya, m.s 1 – 23.
- ²⁵ Muhammad Nejatullah Siddiqi (1992), **Islamic Consumer Behaviour**, Readings In Microeconomics An Islamic Perspective, Sayyid Tahir, Aidit Ghazali, Syed Omar Syed Agil (ed), Longman Malaysia : Petaling Jaya, m.s 49 – 60.
- ²⁶ M. Fahim Khan (1992), **Theory Of Consumer Behaviour In An Islamic Perspective**, Readings In Microeconomics An Islamic Perspective, Sayyid Tahir, Aidit Ghazali, Syed Omar Syed Agil (ed), Longman Malaysia : Petaling Jaya, m.s 69 – 80.
- ²⁷ M. Fahim Khan (1995), **Essays In Islamic Economics**, The Islamic Foundation : Leicester United Kingdom, m.s 5 – 13.
- ²⁸ Seminar Nikmat Membeli Bagi Pengguna (1986), **Kepenggunaan Dalam Islam**, Kertas Kerja 3 Seminar Nikmat Membeli Bagi Pengguna di Petaling Jaya anjuran Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) pada 11 – 12 Oktober 1986.
- ²⁹ Shan Paramasivam (1990), **Mahasiswa Dan Budaya Pengguna : Cabaran Modenisasi Dalam Konteks Kepenggunaan**, Kertas kerja 5, Seminar Pendedahan Pengguna di Universiti Malaya Kuala Lumpur anjuran Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya dan Persatuan Mahasiswa Selangor pada 30 November – 2 Disember 1990.
- ³⁰ Seminar Pendedahan Pengguna (1990), **Islam Dan Cabaran Modenisasi Dalam Konteks Kepenggunaan**, Kertas Kerja 8 Seminar Pendedahan Pengguna di Universiti Malaya Kuala Lumpur anjuran Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya dan Persatuan Mahasiswa Selangor pada 30 November – 2 Disember 1990.
- ³¹ Wan Sabri Wan Hussin dan Mohamad Yusoff Sanusi (1996), **Perlakuan Isi Rumah Sebagai Pengguna Yang Bijaksana Di Dalam Membuat Keputusan Perbelanjaan Isi Rumah**, Kertas Kerja Seminar Kepenggunaan Institut Pengajian Tinggi di Universiti Malaya Kuala Lumpur anjuran Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran Universiti Malaya pada 15 Ogos 1996.
- ³² Jabatan Perdana Menteri (1984), **Makanan, Minuman Dan Penggunaan Dalam Islam**, Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri : Kuala Lumpur.

- ³³ Saiful Azhar Rosly (1986), **Penggunaan, Pengeluaran dan Penggagihan**, Kertas Kerja Kursus Jangka Pendek Ekonomi Islam, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- ³⁴ Abdul Rahim Anuar (1989), **Teori Gelagat Pengguna**, Sekolah Ekonomi & Pentadbiran Awam, Universiti Utara Malaysia.
- ³⁵ Jabatan Perdana Menteri (1990), **Makanan, Minuman Dan Bahan Gunaan Orang Islam**, Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri : Kuala Lumpur.
- ³⁶ M. Fahim Khan dan Muhammad Ghifari (1992), **Shatibi's Objectives Of Shari'ah And Some Implications For Consumer Theory**, Readings in Islamic Economic Thought, Abul Hasan M. Sadeq dan Aidit Ghazali (ed), Longman Malaysia Sdn. Bhd. : Petaling Jaya, m.s 176 - 202
- ³⁷ Syed Omar Syed Agil (1992), **Rationality In Economic Theory**, Readings In Microeconomics An Islamic Perspective, Sayyid Tahir, Aidit Ghazali, Syed Omar Syed Agil (ed), Longman Malaysia : Petaling Jaya, m.s 31 - 48.
- ³⁸ Surtahman Kastin Hassan (1993), **Ekonomi Islam : Dasar Dan Amalan**, Dewan Bahasa dan Pustaka : Kuala Lumpur, m.s 42 - 59.
- ³⁹ Mohd Hamdan Adnan (1994), **Konsep Asas Kepenggunaan**, Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pendidikan Malaysia : Kuala Lumpur.
- ⁴⁰ Lokman Abdul Rahman (1999), **Halal Dan Kepenggunaan**, Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) dan Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) : Melaka.
- ⁴¹ Abdul Aziz Sahidin, Azizah M. Isa, Mohd Shukor Abdul Manan dan Habibah Lehar (2000), **Teori Penggunaan Menurut Perspektif Islam**, Ekonomi Islam, Ghafarullahuddin bin Din, Habibah Lehar, Muhamad Rahimi Osman, Raskinah Mohd Nor (ed), Biroteks Universiti Teknologi MARA : Shah Alam, m.s 1 - 15.
- ⁴² Radiah Abdul Wahid dan Ishak Ismail (2000), **Pelakuan Pengguna Edisi 2000**, Pearson Education Malaysia Sdn. Bhd. : Petaling Jaya.
- ⁴³ Radiah Abdul Kadir (2001), **Ekonomi Islam**, Univision Press Sdn. Bhd. : Kuala Lumpur, m.s 54 - 68.
- ⁴⁴ Norliza Mohd Misran (1993), **Penggunaan Dalam Konteks Ekonomi Islam Dan Perbandingan Dengan Ekonomi Konvensional**, Kertas Projek Bahagian Analisa Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- ⁴⁵ Mohd Azhar Mat Zim (1998), **Teori Penggunaan Di Dalam Ekonomi Islam : Kajian Perbandingan Dengan Ekonomi Konvensional**, Kertas Projek Bahagian Pengajian Syariah Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- ⁴⁶ Solahuddin Ismail (1998), **Etika Perniagaan Menurut Perspektif Islam : Tumpuan Terhadap Kitāb al-Buyū' Di Dalam Sahih Muslim**, Latihan Ilmiah Bahagian Pengajian Usuluddin Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- ⁴⁷ Zaitun Zakaria (1999), **Gelagat Pembelian Beras Di Kalangan Pengguna : Kajian Perbandingan Antara Penduduk Kuala Lumpur Dan Alor Setar**, Kertas Projek Bahagian Pentadbiran Perniagaan, Fakulti Perniagaan dan Perakaunan, Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- ⁴⁸ Heng Chor Lian (1999), **Gelagat Pengguna : Satu Survei Ke Atas Golongan Yuppies Di Lembah Klang**, Kertas Projek Bahagian Pentadbiran Perniagaan, Fakulti Perniagaan dan Perakaunan, Universiti Malaya Kuala Lumpur.

-
- ⁴⁹ Tee Yan Heong (1999), **Gelagat Pembeli Belah Di Pusat Beli-Belah Lembah Klang**, Kertas Projek Bahagian Pentadbiran Perniagaan Fakulti Perniagaan dan Perakaunan, Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- ⁵⁰ Yee Boon Ling (1994), **Study of Teenage Shopping and Consumption Behaviour in Singapore**, Disertasi Sarjana Pengurusan Perniagaan Universiti Nasional Singapura.
- ⁵¹ Tony Quah Seng Hai (1997), **Consumer Behaviour of Young, Urban Professionals (Yuppies) in the Klang Valley**, Disertasi Sarjana Pengurusan Perniagaan Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- ⁵² Foziah Sidek (1998), **A Study of Teenagers Shopping and Consumption Behaviour in Seremban Negeri Sembilan**, Disertasi Sarjana Pengurusan Fakulti Perniagaan dan Perakaunan Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- ⁵³ Tan Seng Khee (1998), **A Comparative Analysis of Service Quality at Tenaga Nasional Berhad and Pos Malaysia One-Stop Payment Centres**, Disertasi Sarjana Pengurusan Perniagaan Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- ⁵⁴ Lim Swat Hah (2000), **Consumer Behaviour Towards Counterfeit Product : A Study on Urban Malaysia Consumers**, Disertasi Sarjana Pengurusan Perniagaan Fakulti Perniagaan dan Perakaunan Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- ⁵⁵ Syahbudin Senin (2000), **Kenaikan Harga Barangan Perlu Di Malaysia : Satu Analisis**, Disertasi Jabatan Syariah Ekonomi, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- ⁵⁶ Martyn Denscombe (1998), **The Good Research Guide For Small Scale Social Research Projects**, Open University Press : Buckingham, m.s 231 – 237.